


27/06/09

NASIONAL



ABDULLAH YUSOF | BERITA MINGGU

KAKITANGAN Pusat Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) melakukan ujian saringan H1N1 kepada pelajar baru semester pertama sesi 2009 dan 2010, Farizulshah Akhsah.

Pelajar baru IPTA wajib jalani saringan H1N1

KUALA LUMPUR: Beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mewajibkan ujian saringan selesema babi (H1N1) kepada pelajar baru ketika sesi pendaftaran bagi memastikan wabak itu tidak merebak di kalangan warga kampus.

Universiti terbabit turut menubuhkan jawatankuasa bertindak, menyediakan bilik operasi dan kuarantin, pasukan perubatan dan menangguhkan perhimpunan amanat Naib Canselor serta ikrar pelajar.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata pihaknya menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak sejak 23 Mei lalu bagi memantau penularan virus itu di semua cawangannya di seluruh negara.

"Semua pegawai perubatan juga diarahkan sentiasa bersiap sedia terhadap sebarang kemungkinan jika berlaku sebarang penularan di universiti itu. Namun, setakat hari pendaftaran hari ini (semalam), tiada pelajar yang didapati demam atau mempunyai tanda dijangkiti H1N1 atau menangguhkan pendaftaran masuk ke UiTM disebabkan virus itu," katanya ketika dihubungi.

Timbalan Pengarah Hubungan Korporat Pejabat Hubungan Antarabangsa dan Korporat Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Siti Aishah Hashim Ali berkata, semua pelajar baru akan menjalani saringan kesihatan terutama yang pernah melawat negara dijangkiti H1N1.

"Bagi pelajar luar negara, kita akan mengasingkan mereka di tiga kolej iaitu International House, Kolej Kediaman Ungku Aziz dan kediaman staf yang dikenal pasti selama seminggu walaupun mereka melepas saringan kesihatan di lapangan terbang.

"Selain itu, pihak universiti juga mengambil langkah meminimumkan sebarang perhimpunan malah amanat Naib Canselor serta ikrar pelajar yang sebelum ini diadakan di dalam dewan ditangguhkan sehingga Sabtu depan.

"Dalam tempoh seminggu ini juga, pelajar baru perlu berada di dalam kolej dan hanya ketua fakulti atau pensyarah yang bergerak menerusi mereka untuk memberi taklimat kursus," katanya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Perhubungan Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Omar Osman, berkata universiti itu juga menjalankan saringan terhadap kira-kira 3,000 pelajar baru yang mendaftar semalam selari dengan arahan Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, sebagai langkah tambahan pihaknya juga menempatkan pegawai perubatan di tempat pendaftaran untuk menjalankan periksaan terhadap pelajar.

Di KUCHING, kira-kira 2,400 pelajar baru, termasuk 10 pelajar antarabangsa yang mendaftar di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan, dekat sini, semalam, mengisi borang penapisyiharan kesihatan bagi mengelak penularan wabak H1N1.



YAZIT RAZALI | BERITA MINGGU

KAKITANGAN Pusat Kesihatan UPM memberi borang ujian saringan H1N1 kepada pelajar baru semester pertama sesi 2009 dan 2010.

ABDULLAH YUSOF | BERITA MINGGU